



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

PANDUAN PERBANKAN KOMERSIAL

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
Latar Belakang Cukai Barang dan Perkhidmatan	1
GAMBARAN KE ATAS OPERASI UMUM INDUSTRI	1
LAYANAN CBP KE ATAS PERBANKAN KOMERSIAL	2
Layanan CBP mengikut jenis pembekalan	2
Layanan CBP ke atas Produk Bank.....	3
Perkhidmatan Diimport	10
Peyumberan keluar Perkhidmatan.....	10
Perkongsi Perkhidmatan / Transaksi Kumpulan secara Intra	11
Mendapatkan Semula Cukai Input Secara Tetap (FITR)	11
SOALAN LAZIM	14
MAKLUMBALAS DAN KOMEN.....	21
BANTUAN ATAU MAKLUMAT LANJUT.....	21

PENGENALAN

1. Panduan ini disediakan bagi membantu busines dalam memahami perkara berhubung layanan CBP ke atas perbankan komersial.

Latar Belakang Cukai Barang dan Perkhidmatan

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan merupakan percukaian berperingkat ke atas penggunaan domestik. CBP dikenakan / dicajkan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan di Malaysia kecuali barang dan perkhidmatan tertentu yang dikecualikan. CBP ini juga dicaj ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke dalam Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat-peringkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengagihan. Walaupun cukai yang akan dibayar sepanjang rangkaian pengeluaran dan pendedaran, hanya nilai ditambah pada setiap peringkat akan dikenakan cukai untuk mengelakkan cukai dua kali.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan dikenali sebagai "orang yang berdaftar". Orang yang berdaftar dikehendaki untuk mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai yang dibuat kepada pelanggan. Beliau juga dibenarkan untuk menuntut kembali apa-apa CBP yang dilakukan ke atas pembelian (cukai input) yang mana merupakan input kepada perniagaannya. Oleh itu, cukai itu sendiri tidak merupakan satu kos kepada perantara dan tidak kelihatan sebagai item perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

GAMBARAN KE ATAS OPERASI UMUM INDUSTRI

5. Bank komersial mendapatkan dana dengan memungut deposit dari busines dan individu dan sebagai balasan memberi pinjaman komersial dan perindustrian dan melaksanakan perkhidmatan perbankan lain untuk pelanggannya.

6. Perkhidmatan perbankan yang ditawarkan oleh bank komersial termasuk:

- (a) memobilisasikan simpanan mealui akaun simpanan, semasa dan simpanan tetap;
- (b) penyediaan pelbagai perkhidmatan perbankan dan kemudahan untuk pelanggannya termasuk kemudahan untuk membuat bayaran dan menerima wang;
- (c) membuat pembayaran atau pemungutan cek yang dikeluarkan atau dimasukkan oleh pelanggan;
- (d) penyediaan pinjaman.

LAYANAN CBP KE ATAS PERBANKAN KOMERSIAL

Layanan CBP mengikut jenis pembekalan

7. Bagi tujuan CBP, bank komersial kebiasaannya menyediakan tiga jenis pembekalan iaitu pembekalan dikecualikan, berkadar standard dan berkadar sifar.

(a) **Pembekalan Dikecualikan**

Suatu pembekalan adalah pembekalan dikecualikan jika balasan kepada pembekalan tersebut adalah dalam bentuk caj keuntungan atau 'spread'. Pembekalan ini termasuklah penyediaan pinjaman, kredit atau pendahuluan, pertukaran mata wang atau cek kembara dan dagangan kewangan pilihan atau kontrak niaga hadapan.

(b) **Pembekalan Berkadar Standard**

Pembekalan adalah berkadar standard jika terdapat caj asas atau yuran tetap dikenakan ke atas pembekalan tersebut. Perkhidmatan berasaskan yuran adalah pembekalan berkadar standard. Contoh perkhidmatan berasaskan yuran adalah seperti berikut:

- (i) yuran pemprosesan pembiayaan kewangan;
- (ii) caj arahan tetap;
- (iii) perkhidmatan sewaan;
- (iv) pengiraan duit syiling dan deposit matawang;

- (v) caj ke atas perkhidmatan prabayar dan tambah nilai;
- (vi) perkhidmatan penyelenggaraan berkenaan jual beli saham;
- (vii) penyediaan kad mesin juruwang automatik (ATM) dan buku akaun simpanan;
- (viii) perkhidmatan penjagaan atau peti deposit keselamatan; dan
- (ix) perkhidmatan perantara dimana yuran atau komisen dikenakan (contohnya, perkhidmatan mengatur, pembrokeran, menaja jamin dan khidmat nasihat ke atas apa-apa perkhidmatan kewangan).

Bagaimanapun, terdapat yuran atau caj tertentu yang tidak tertakluk kepada CBP. Ini adalah yuran dan caj yang dikenakan sebagai pampasan ke atas kehilangan, kerosakan atau pegenaan denda kepada pelanggan kerana tidak memenuhi kehendak atau syarat tertentu. Penalti atau denda itu tidak tertakluk kepada CBP dan caj penalti ini termasuk:

- (i) caj lewat bayar;
- (ii) yuran komitmen (ke atas baki overderaf yang tidak diguna);
- (iii) caj pampasan bagi cek tak laku; dan
- (iv) caj lebihan overderaf.

(c) **Pembekalan Berkadar Sifar**

Perkhidmatan perbankan komersial yang diberikan kepada pelanggan yang berada di luar negara adalah berkadar sifar sekiranya pada masa perkhidmatan tersebut diberi, pelanggan berada di luar Malaysia. Sebagitu juga, apa-apa perkhidmatan perbankan komersial yang diberi berkaitan dengan tanah dan barang yang terletak di luar Malaysia adalah berkadar sifar.

Layanan CBP ke atas Produk Bank

(a) **Operasi Akaun (Simpanan, Semasa, Simpanan Tetap atau Akaun yang Serupa)**

- (i) Caj keuntungan yang dibayar oleh bank komersial hasil daripada pengambilan deposit dari berbagai jenis akaun (simpanan, semasa, simpanan tetap atau akaun yang serupa) adalah tidak tertkaluk kepada CBP.
- (ii) Selain dari memberi ganjaran kepada pelanggan dalam bentuk caj keuntungan, bank biasanya mengenakan yuran bagi perkhidmatan untuk mempermudah pengendalian akaun-akaun tersebut. Yuran tersebut adalah tertakluk kepada CBP atas kadar standard. Yuran ini termasuk:
 - Yuran/caj ke atas kemudahan penunaian;
 - Yuran/caj pindahan wang secara elektronik(EFT) dan perbankan telefon;
 - Yuran/caj kemudahan kad mesin juruwang automatik(ATM);
 - Yuran/caj penyediaan penyata bank;
 - Yuran/caj pengeluaran buku cek; dan
 - Yuran/caj transaksi melalui ATM atau MEPS

(b) **Bayaran dan Pungutan Cek**

- (i) Perkhidmatan yang diberikan apabila bank membuat bayaran dan memungut cek adalah tidak tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun, bank mengenakan yuran perkhidmatan kepada pengeluar jika pihak ketiga ingin menunaikan cek di kaunter. Bank begitu juga mengenakan yuran bagi perkhidmatan pemindahan cek. Yuran ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
- (ii) Caj tambahan ke atas percetakan buku cek adalah juga tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Begitu juga dengan komisen yang dikenakan bagi penjelasan cek adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(c) **Kiriman Wang**

Kiriman wang bukan satu pembekalan dan tidak tertakluk kepada CBP. Bagaimanapun bank akan mengenakan komisen atas pengeluaran *cashier's order* dan *demand draft*. Kos pemindahan telegrafik akan juga termasuk komisen dan caj talian penghantaran (tele-transmission charges). Kos ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Pelanggan juga boleh memberi arahan kepada banknya untuk membuat kiriman wang secara berjadual dengan mendebitkan daripada akaunnya melalui fasiliti arahan tetap. Sebarang cai yang dikenakan tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(d) **Aktiviti Pertukaran Wang**

Pertukaran mata wang merupakan satu perniagaan membuat pertukaran satu mata wang dengan yang lain, dengan pengambilan untung ke atas perbezaan kadar pertukaran mata wang sebagai pendapatan bagi perkhidmatan ini dan ia tidak tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun, sekiranya yuran perkhidmatan dikenakan ke atas pertukaran mata wang, pembekalan itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.


(e) **Pembiayaan kewangan, pendahuluan atau kredit**

Pemberian pinjaman, pendahuluan atau kredit tidak tertakluk kepada CBP. Bagaimanapun, yuran yang dikenakan ke atas pemberian pinjaman adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Ini boleh termasuk yuran penubuhan, yuran mengatur, yuran khidmat nasihat, bayaran agensi atau yuran pemprosesan.

(f) **Kad Kredit, Debit atau Caj**

(i) Dalam operasi kad biasa terdapat tiga pihak yang terlibat seperti ditunjukkan dalam **Rajah 1** berikut:

Rajah 1: Pihak-Pihak Dalam Operasi Kad



- (ii) Hubungan pertama melibatkan bank dan pelanggan yang mana bank mengenakan yuran langganan tahunan bagi penggunaan kad dan faedah bagi kredit yang diperuntukkan. Yuran langganan tahunan tertakluk kepada CBP sementara faedah yang dikenakan tidak tertakluk kepada CBP.
- (iii) Hubungan kedua adalah antara kedai runcit dan pelanggan. Kedai runcit menjual barang kepada pelanggan yang akan ia kenakan CBP ke atas jualan produk dalam keadaan biasa.
- (iv) Hubungan ketiga adalah antara bank dan kedai runcit. Bank membayar kedai runcit itu bagi barang yang dibeli oleh pelanggan setelah menolak diskaun komisen peniaga. Jika kedai runcit itu merupakan peniaga bagi bank, bank akan mengenakan sewaan bagi penggunaan terminal bayaran dan ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Diskaun komisen peniaga adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(g) **Pembiayaan Perdagangan**

Bank juga menyediakan kemudahan dan perkhidmatan berhubung dengan pembiayaan berkaitan dengan sama ada perdagangan domestic atau antarabangsa.

(i) Bil Dokumentari untuk Pungutan

Bank mengenakan caj komisen pungutan untuk Bil Keluar dan Masuk. Caj juga dikenakan ke atas penggunaan setem dan kabel. Komisen dan caj ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(ii) Kredit Dokumentari

Kemudahan kredit dokumentari merupakan satu aku janji atau komitmen bagi pihak bank yang mengeluarkan untuk membayar kepada penjual/pengekspor bagi pihak pembeli setelah terma yang tertentu dipatuhi adalah tidak tertakluk kepada CBP.

Sebagai Bank Pengeluar atau Penasihat, terdapat caj-caj yang terlibat, contohnya, yuran pengendalian dan juga caj ke atas penggunaan setem dan kabel. Caj-caj ini adalah perkhidmatan berdasarkan yuran dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard

(iii) Kredit Dokumentari yang boleh Dipindah milik

Dalam keadaan di mana benefisiari pertama (negara mengekspor) tidak dengan sendirinya membekalkan barang itu tetapi bertindak sebagai orang tengah, maka ia boleh memindah milik sebahagian atau kesemua hak atau obligasinya kepada pembekal sebenarnya (sebagai benefisiari kedua). Ini dimungkinkan dengan mempunyai satu kemudahan kredit dokumentari yang boleh dipindah milik. Bagaimanapun, caj bank berkaitan dengan pemindahan milik dan kena dibayar oleh benefisiari pertama adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(iv) Jaminan Perkapalan

Dalam keadaan di mana vesel tiba di tempat atau negara pembeli atau pengimport sebelum bil muatan diterima oleh bank pemungut, pembeli/pengimport akan memohon banknya untuk suatu jaminan perkapalan untuk membolehkan dia membuat pelepasan barangnya. Bank mengenakan komisen bagi pengeluaran jaminan penghantaran dan ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(v) **Penerimaan oleh Bank (Banker's Acceptance)**

Pembiayaan penerimaan oleh bank adalah suatu pembekalan dikecualikan dan tidak tertakluk kepada CBP. Kos penerimaan oleh Bank terdiri daripada komisen penerimaan yang tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(h) **Pemfaktoran/ Mendiskaunkan Invois**

(i) Pemfaktoran/ mendiskaunkan invois adalah peruntukan hutang yang mana busines boleh berniaga akaun penghutang kepada pihak yang lain yang boleh memberi mereka pembiayaan dan ini boleh dalam bentuk pemfaktoran *recourse* atau *non-recourse*.

(ii) Peruntukan hutang melalui pemfaktoran sama ada *recourse* atau *non-recourse* dan mendiskaunkan invois adalah satu pengecualian dikecualikan dan tidak tertakluk kepada CBP. Bagaimanapun, pemfaktoran adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(i) **Perkhidmatan Khusus**

Bank juga menyediakan pelbagai perkhidmatan khusus yang termasuk perkhidmatan agensi insuran, perkhidmatan percukaian, pengamanah (harta pusaka, dana atau dana pelaburan khusus), pengurusan dana dan perkhidmatan profesional lain. Semua perkhidmatan berasaskan yuran ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(j) **Perkhidmatan perbendaharaan**

(i) Bank menyediakan perkhidmatan perbendaharaan yang pada dasarnya adalah dagangan untuk keuntungan modal, pelaburan

untuk keuntungan modal atau dalam bentuk pendapatan faedah. Perkhidmatan perbendaharaan ini meliputi pasaran hutang, pasaran modal dan instrumen pasaran kewangan dan boleh juga meliputi:

- Bon perdagangan
- Perdagangan sekuriti kerajaan
- Bil Perdagangan Perbendaharaan
- Pertukaran dan perdagangan mata wang
- Urusniaga Swap Mata Wang dan Kadar Faedah
- Pembiayaan dalam mata wang asing
- Urusan derivatif
- Pembiayaan dan perdagangan pasaran kewangan

(ii) Dalam aspek ini, faedah diperolehi dan keuntungan modal yang dihasilkan ke atas pelaburan adalah dikecualikan dari CBP. Dalam mempersetujui sebagai prinsipal untuk berniaga dalam instrumen kewangan, bank tersebut adalah membuat pembekalan dikecualikan dan tiada CBP dikenakan. Bagaimanapun, dalam menyediakan perkhidmatan sebagai ejen kepada pelanggannya untuk perdagangan instrumen tersebut, bank adalah membuat pembekalan berkadar standard dan oleh itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(k) **Perkhidmatan Penama (nominees) dan Sekuriti**

(i) Bank juga menjalankan perkhidmatan khidmat nasihat pelaburan dan membantu pelanggan untuk membangunkan portfolio dan menilai pelaburan klien yang sedia ada. Sebagai tambahan, bank juga melaksanakan perkhidmatan penjagaan, penamaan dan pendaftaran. Perkhidmatan khidmat nasihat bersama dengan perkhidmatan perantara lain adalah pembekalan bercukai dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(ii) Selain menerima pendapatan dari pembrokeran dan berasaskan yuran yang tertakluk kepada CBP pada kadar standard, bank

juga menerima pelbagai pendapatan dari faedah yang dikecualikan dari CBP. Ini termasuk pendapatan faedah dari sumber berikut:

- faedah dari kontrak pembelian tertunggak
- faedah ke atas kerugian kontra
- faedah terkumpul bagi setiap kontrak tertunggak sehingga tamat tempoh tertentu
- faedah ke atas instrumen pasaran kewangan

Perkhidmatan Diimport

8. Perkhidmatan yang diterima (diimport) dari luar negara adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard jika pembekalan sedemikian adalah pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia. Dalam kes sedemikian, caj balikan terpakai seolah-olah pengimport itu (contohnya institusi kewangan) telah membekalkan perkhidmatan itu kepada dirinya sendiri. Penerima hendaklah mengakaun CBP ditanggung ke atas pembekalan bercukai itu. Bagaimanapun, dia berhak untuk menuntut CBP ditanggung ke atas input.

Peyumberan keluar Perkhidmatan

9. Kebiasaannya bank meyumberkeluar perkhidmatan yang bukan merupakan aktiviti teras mereka dan perkhidmatan yang disumberkeluar ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Perkhidmatan yang disumberkeluar ini termasuk:

- (a) Pembangunan aplikasi perisian dan khidmat sokongan teknologi maklumat
- (b) Pemprosesan bayaran dan pungutan
- (c) Pengurusan pinjaman
- (d) Operasi kad kredit
- (e) Percetakan dan penjelasan keluar cek
- (f) Perkhidmatan percetakan dan pengeposan
- (g) Pengurusan hartanah

- (h) Perkhidmatan sekuriti
- (i) Penunaian wang melalui ATM

Perkongasian Perkhidmatan / Transaksi Kumpulan secara Intra

10. Bank, yang merupakan sebuah syarikat induk, kadangkala menyediakan perkhidmatan secara perkongsian atau melaksanakan transaksi kumpulan secara intra. Ini selalunya berlaku dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan back-office. Perkongsian perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard walaupun dikenakan atas asas mendapatkan semula kos (cost recovery).

Mendapatkan Semula Cukai Input Secara Tetap (FITR)

11. Umumnya, seseorang pembekal bercampur boleh menuntut kredit cukai input seperti berikut-

- (a) Cukai input dituntut sepenuhnya jika kesemua input itu adalah diagihkan kepada pembekalan bercukai;
- (b) Cukai input tidak boleh dituntut jika kesemua input itu adalah diagihkan kepada pembekalan dikecualikan; atau
- (c) Membahagikan cukai input dengan menggunakan kaedah perolehan (turnover) jika input (residual input) tidak boleh diagihkan kesemuanya kepada samada pembekalan bercukai atau pembekalan dikecualikan.

12. Pembekalan dibuat oleh institusi kewangan, iaitu penyediaan pinjaman/pembiayaan adalah pembekalan dikecualikan dan cukai input tidak boleh dituntut. Bagaimanapun, bank dan institusi kewangan lain yang menyediakan pinjaman atau pembiayaan kepada busines dibenarkan menuntut CBP ditanggung ke atas input busines. Tuntutan sedemikian hanyalah terpakai dengan menggunakan kaedah Fixed Input Tax Recovery (FITR).

13. FITR adalah satu kaedah di mana sesebuah institusi kewangan seperti:

- (a) Bank komersial;
- (b) Bank pelaburan;

- (c) Bank Islam;
- (d) Institusi Pembangunan Kewangan dan institusi lain yang diluluskan yang ditubuhkan di bawah mana-mana Akta Parlimen atau Ordinan Negeri adalah berhak untuk mendapatkan semula cukai input berdasarkan suatu kadar spesifik yang ditentukan oleh Menteri. Kadar spesifik ini adalah tertakluk kepada kajian semula dan berlainan orang boleh diberikan kadar tetap yang berbeza seperti ditentukan oleh Menteri.

14. Jika sesebuah institusi kewangan dibenarkan mendapatkan semula cukai input dengan menggunakan kaedah FITR, amaun cukai input dibenarkan adalah mengikut formula berikut:

A x B

Di mana: **A** adalah jumlah cukai input ditanggung dalam tempoh bercukai

dan **B** adalah kadar tetap.

15. Jumlah cukai input tax ditanggung dalam tempoh bercukai tersebut termasuk:
- (a) cukai input berhubung pembekalan dikecualikan iaitu pinjaman diberi kepada busines dan individu;
 - (b) cukai input berhubung pembekalan berkadar standard dan pembekalan berkadar sifar;
 - (c) cukai input berhubung pembekalan dikecualikan yang lain contohnya aktiviti pelaburan.

16. Bagi bank Islam dan institusi kewangan lain yang membuat pembekalan kewangan mengikut prinsip Syariah, cukai input ditanggung ke atas pembekalan berhubung pembiayaan Syariah boleh dituntut sepenuhnya.

Contoh 1:

Dalam bulan Januari 2016, sebuah bank komersial berdaftar CBP menanggung CBP ke atas berikut:

- (a) cukai input berhubung pembekalan dikecualikan (penyediaan pinjaman kepada perniagaan) - RM36,000
- (b) cukai input berhubung pembekalan berkadar standard (perkhidmatan berasaskan yuran) - RM18,000
- (c) cukai input ke atas aktiviti pelaburan - RM12,000

Bank tersebut dibenarkan untuk mengguna kaedah 'fixed input tax recovery' untuk menuntut CBP ditanggung ke atas input bisnisnya pada kadar yang diandaikan 70% dalam tahun 2016.

$$\begin{aligned} \text{Cukai Input} &= \text{Cukai Input ditanggung dalam } X \text{ kadar FITR} \\ \text{Boleh Dituntut} & \quad \text{tempoh bercukai} \\ &= (\text{RM36,000} + \text{RM18,000} + \text{RM12,000}) \times 70\% \\ &= \text{RM46,200} \end{aligned}$$

Contoh 2:

Dalam tempoh bercukai Januari 2016, Bank Islam ABC menanggung CBP ke atas berikut:

- (a) cukai input berhubung pembekalan dikecualikan (penyediaan pembiayaan kepada busines mengikut prinsip Syariah) - RM15,000
- (b) cukai input ke atas pembekalan berkadar standard (perkhidmatan berasaskan yuran) - RM36,000
- (c) cukai input ke atas aktiviti pelaburan - RM12,000

Bagi tahun 2016, sesebuah bank Islam dibenar menggunakan kadar tetap pada 70% bagi tujuan menuntut cukai input.

$$\begin{aligned} \text{Cukai Input} &= \text{Cukai Input ditanggung dalam } X \text{ kadar FITR} \\ \text{Boleh Dituntut} & \quad \text{tempoh bercukai} \\ &= (\text{RM36,000} + \text{RM12,000}) \times 70\% \\ &= \text{RM33,600} \end{aligned}$$

Bagi tempoh bercukai Januari 2016, bank Islam itu dibenar untuk menuntut cukai input berjumlah:

$$\text{RM33,600} + \text{RM15,000} = \text{RM48,600}$$

SOALAN LAZIM

Pendaftaran CBP

S1: Bank dan institusi kewangan menyediakan perkhidmatan kewangan. Oleh kerana kebanyakan perkhidmatan kewangan adalah dikecualikan dari CBP, adakah bank dan institusi kewangan perlu untuk berdaftar?

J1: Walaupun kebanyakan perkhidmatan kewangan adalah pembekalan bercukai, bank dan institusi kewangan juga membekal perkhidmatan berasaskan yuran yang tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Sekiranya amaun pembekalan bercukai ini melebihi nilai ambang ditetapkan, maka adalah wajib bagi bank atau institusi kewangan tersebut untuk berdaftar.

S2: Bolehkah beberapa bank di bawah satu syarikat induk didaftarkan di bawah pendaftaran kumpulan?

J2: Tidak. Pendaftaran kumpulan di bawah CBP adalah terhad kepada busines yang membuat kesemuanya pembekalan bercukai. Bank yang membuat pembekalan dikecualikan adalah tidak layak untuk pendaftaran kumpulan.

Invois

S3: Pelanggan-pelanggan saya menjalankan banyak transaksi perbankan dalam sesuatu tempoh bercukai. Perlukah saya mengeluarkan satu invois cukai bagi setiap transaksi perbankan itu?

A3: Tidak, anda tidak perlu mengeluarkan cukai invois bagi setiap transaksi. Anda boleh membuat permohonan kepada Jabatan Kastam untuk kelulusan mengeluarkan satu penyata bulanan meliputi setiap transaksi perbankan yang telah berlaku dalam bulan kalendar itu.

S4: Adakah perlu saya mengeluarkan invois cukai kepada seorang pelanggan individu yang bukan merupakan seorang berdaftar?

A4: Secara umumnya seorang berdaftar mestilah mengeluarkan suatu invois cukai berkaitan dengan pembekalan bercukai. Ia tidak diperlukan jika tiada pembekalan bercukai. Bank boleh memohon kepada Jabatan Kastam untuk

kelulusan dikecualikan daripada mengeluarkan invois cukai kepada seseorang yang bukan berdaftar CBP. Bagaimanapun, bank itu hendaklah mengeluarkan resit mengikut nombor bersiri bagi tujuan audit. Sebaliknya, selain dari mengeluarkan resit secara manual, resit eletronik juga dibenarkan, selagi direkodkan

S5: Adakah saya perlu mengeluarkan invois cukai bagi transaksi kepada pelanggan di luar negara dengan pembekalan berkadar sifar?

J5: Anda tidak perlu mengeluarkan invois cukai bagi pembekalan berkadar sifar itu.

Mendapatkan Semula Cukai Input

S6: Sebagai seorang berdaftar, saya layak untuk mendapatkan semula cukai input ke atas perolehan saya. Setakat manakah boleh saya mendapatkan semula cukai input saya?

J6: Secara amnya, bank, institusi kewangan dan institusi pembangunan kewangan (DFI) membuat kedua-duanya pembekalan dikecualikan dan bercukai. Secara prinsipnya, hanya cukai input yang boleh diagihkan secara langsung kepada pembekalan bercukai boleh didapatkan semula dengan penuh. Cukai input yang diagihkan kepada pembekalan dikecualikan tidak boleh didapatkan semula. Lagi pun, bagi input yang boleh diagihkan secara langsung kepada pembekalan bercukai dan dikecualikan (iaitu lebihan input), bank itu perlu menggunakan kaedah standard untuk membahagikan cukai input yang boleh dituntut

Untuk mempermudah proses mendapatkan semula cukai input dan untuk mengurangkan kos pentadbiran pematuhan yang tinggi dalam menjejak setiap input bagi sesuatu produk, hanya bank dan institusi kewangan lain yang memberi pinjaman kepada busines dan perkhidmatan kewangan lain yang dikecualikan diringankan daripada tugas mengagihkan cukai input mereka dengan memilih untuk menggunakan kaedah *fixed input tax recovery* (FITR). Bagaimanapun bank dan institusi kewangan lain yang menyediakan perkhidmatan kewangan tetapi tidak menyediakan pinjaman (kepada busines)

adalah tidak layak untuk mendapatkan semula cukai input mereka dengan penuh serta juga kaedah FITR

S7: Bolehkah saya menuntut cukai input ditanggung berhubung dengan faedah perubatan dan rawatan pekerja saya?

J7: Tidak, bank adalah tidak berhak menuntut cukai input kerana faedah perubatan dan rawatan bagi pekerja adalah input yang disekat.

S8: Bolehkah saya menuntut cukai input ditanggung berhubung dengan perbelanjaan keraian kepada pekerja?

J8: Ya. Bank boleh menuntut cukai input ditanggung oleh kerana perbelanjaan keraian kepada pekerja bukanlah input disekat.

Operasi Akaun (simpanan, semasa, simpanan tetap atau akaun lain yang serupa)

S9: Apabila seseorang pelanggan memasuk atau mengeluarkan wang dari akaun simpanan, simpanan tetap atau semasanya, adakah ianya tertakluk kepada CBP?

J9: Kemasukan atau pengeluaran dari akaun simpanan, simpanan tetap atau semasanya, adakah tidak tertakluk kepada CBP.

S10: Adakah faedah yang dibayar kepada atau diterima dari sesebuah bank tertakluk kepada CBP?

J10: Tidak, faedah yang dibayar kepada atau diterima dari sesebuah bank adalah tidak tertakluk kepada CBP.

S11: Bank mengenakan pelanggannya yuran tertentu seperti caj perkhidmatan setengah tahun bagi akaun semasa dan caj pengeluaran wang tunai dari ATM kali kelima. Adakah ini tertakluk kepada CBP?

J11: Ya, caj ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Apa-apa caj berasaskan yuran tertentu dikenakan oleh mana-mana bank atau institusi kewangan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S12: Saya mengenakan pelanggan saya bayaran ke atas penggantian buku akaun simpanan atau kad ATM yang hilang. Adakah ini tertakluk kepada CBP

J12: Ini adalah bayaran dan caj yang dikenakan sebagai ganti rugi bagi buku akaun simpanan atau kad ATM yang hilang atau rosak. Bayaran sedemikian adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Penyediaan pinjaman, pendahuluan atau kredit

S13: Adakah penyediaan pinjaman tertakluk kepada CBP?

J13: Apabila sesebuah bank menyediakan pinjaman kepada pelanggannya, bank itu akan menikmati bayaran faedah. Faedah berkaitan dengan penyediaan pinjaman adalah tidak tertakluk kepada CBP. Bagaimanapun, apa-apa yuran atau caj berhubung dengannya, seperti yuran pemprosesan, yuran khidmat nasihat atau caj atas membuat salinan dokumen adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S14: Adakah bayaran balik amaun prinsipal tertakluk kepada CBP?

J14: Bayaran balik sesuatu pinjaman, iaitu ansuran bagi amaun prinsipal dengan atau tanpa faedah adalah juga tidak tertakluk kepada CBP.

S15: Adakah penalti atas bayaran lewat tertakluk kepada CBP?

J15: Tidak, penalti atas bayaran lewat adalah tidak tertakluk kepada CBP.

S16: Saya menyediakan pinjaman untuk membiayai sebuah projek di Vietnam. Adakah pinjaman ini akan tertakluk kepada CBP?

J16: Sesuatu pinjaman untuk membiayai sebuah projek di luar Malaysia adalah pembekalan berkadar sifar dan yuran pemprosesan berkaitan dengan pinjaman yang disediakan itu adalah juga berkadar sifar. Prinsip CBP memperuntukkan bahawa perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan di luar negara adalah berkadar sifar jika pada masa perkhidmatan itu diberi, pelanggan itu berada di luar Malaysia. Ianya dianggap sebagai suatu perkhidmatan yang dieksport. Begitu juga dengan apa-apa perkhidmatan bank komersial yang diberi berkaitan dengan tanah atau barang bertempat di luar Malaysia adalah berkadar sifar.

S17: Bank XYZ adalah pengatur utama (*lead arranger*) bagi suatu pinjaman bersindiket (*syndicated loan*). Sebagai pengatur utama, Bank XYZ mendapatkan sokongan dari bank-bank yang terlibat untuk menyediakan pinjaman kepada pelanggannya. Pelanggan membayar yuran pengurusan kepada Bank XYZ. Bagaimana dan siapa yang sepatutnya mengakaun untuk CBP?

J17: Dalam pinjaman bersindiket yang diatur, sebagai pengatur utama, Bank XYZ adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan invois cukai bagi yuran pengurusan kepada pelanggannya. Setiap bank yang terlibat pula mengeluarkan invois cukainya kepada Bank XYZ bagi bahagian yuran pengurusannya dan Bank XYZ mengagihkan amaun yang sepatutnya kepada bank-bank itu. Bank XYZ seterusnya mengakaun CBP sepenuhnya sebagai cukai output dan menuntut semula kredit cukai input menggunakan FITR. Sementara itu, setiap bank yang terlibat akan mengakaun CBP ke atas yuran pengurusan yang diterima dari Bank XYZ sebagai cukai output mereka

Kad kredit, debit or caj

S18: Kebanyakan bank mengeneipkan yuran langganan tahunan ke atas kad kredit untuk lebih berdaya saing di pasaran. Adakah yuran langganan tahunan yang diketepikan ini tertakluk kepada CBP?

J18: Oleh kerana tiada balasan bagi pembekalan perkhidmatan itu, bank tidak perlu mengenakan CBP ke atas yuran langganan tahunan yang diketepikan itu.

Kredit Documentari

S19: Sebagai sebuah bank penasihat, saya mengenakan komisen pengesahan bagi pengesahan sesebuah surat kredit (L/C) atas nama seseorang pengeksport Malaysia. Adakah komisen ini tertakluk kepada CBP?

J19: Komisen ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard oleh kerana perkhidmatan itu dijalankan di Malaysia.

S20: Saya mengeluarkan L/C kepada seorang peniaga tempatan bagi pengimportan barang dan mengenakan yuran ke atas pengeluaran L/C itu. Apakah layanan CBP ke atas yuran ini?

J20: Yuran sedemikian adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S21: Bank juga menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat berhubung dengan pengeluaran L/C. Adakah perkhidmatan khidmat nasihat ini tertakluk kepada CBP?

J21: Perkhidmatan khidmat nasihat adalah satu pembekalan bercukai dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Tukaran Asing

S22: Apakah layanan CBP ke atas pertukaran wang asing?

J22: Bank mendapat keuntungan dari *spread* hasil dari perbezaan antara kadar jualan dan belian mata wang. *Spread* tidak tertakluk kepada CBP.

S23: Apakah layanan CBP ke atas yuran atau komisen yang dikenakan ke atas pengeluaran dan penunaian cek kembara dalam Malaysia?

J23: Yuran atau komisen itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Pemfaktoran

S24: Bolehkah anda beri gambaran layanan CBP dalam sesuatu transaksi pemfaktoran?

J24: Seorang penjual X membuat pembekalan barang bercukai kepada pembeli Y dengan harga RM1,060 (termasuk 6% amaun CBP kena dibayar). Penjual X akan mengakaun RM60 sebagai cukai output dalam penyata cukainya.

Tanpa menunggu bayaran dari pembeli Y, penjual X sebaliknya telah memperuntukkan amaun yang belum diterima itu kepada bank sebanyak RM800 (yang merupakan 80% dari akaun belum terima itu). Pada ketika itu, bank bertindak sebagai faktor dengan menyediakan pembiayaan kepada penjual X dan mengambil tanggungjawab dan tugas mendapatkan semula amaun tertunggak dari pembeli Y. Untuk perkhidmatan ini, bank mengenakan yuran kepada penjual X.

Pembiayaan tidak tertakluk kepada CBP tetapi yuran pemfaktoran yang dikenakan bank adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Perkhidmatan Peti Keselamatan dan Penjagaan

S25: Apakah layanan CBP ke atas perkhidmatan peti keselamatan dan penjagaan?

J25: Bank menyediakan perkhidmatan peti keselamatan dan penjagaan kepada pelanggannya dengan menawarkan peti simpanan keselamatan, dan mengenakan sewa ke atas peti ini. Caj sewaan ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Perkhidmatan Perbendaharaan

S26: Beri beberapa contoh pembekalan berkadar standard dan dikecualikan berhubung dengan fungsi perbendaharaan bank di bawah CBP?

J26: **Pembekalan dikecualikan** termasuk salah satu dari aktiviti berikut:

- sebagai prinsipal mengikut kontrak menjual sejumlah amaun mata wang bagi yang lain dalam satu kontrak pertukaran wang asing;
- sebagai prinsipal menjual kontrak urus niaga hadapan kewangan;
- sebagai salah seorang pihak membalas dalam Perjanjian Kadar Hadapan (*Forward Rate Agreement*), Perjanjian Swap Kadar Faedah (*Interest Rate Swap Agreement*), Perjanjian Swap Mata Wang (*Currency Swap Agreement*), Perjanjian Swap Komoditi (*Commodity Swap Agreement*); dan
- atas kontrak untuk menjual sekuriti kepada pihak lain dengan komitmen untuk membelinya semula.

Pembekalan berkadar standard termasuk perkhidmatan berhubung dengan:

- urusan sebagai ejen bagi kontrak tukaran wang asing;
- urusan sebagai ejen (bukan pihak membalas) untuk Perjanjian Kadar Hadapan (*Forward Rate Agreement*), Perjanjian Swap Kadar Faedah (*Interest Rate Swap Agreement*), Perjanjian Swap Mata Wang (*Currency*

Swap Agreement), Perjanjian Swap Komoditi (*Commodity Swap Agreement*);

- bertindak sebagai ejen dalam memperolehi pembekalan urus niaga hadapan atau opsyen kewangan;
- bertindak sebagai ejen berkaitan dengan Perjanjian Kadar Hadapan (*Forward Rate Agreement*), *interest rate cap, floor or collar agreement*;
- membuat urusan sebagai ejen bagi pembelian dan penjualan opsyen, sekuriti premium dan diskaun, kupon bon sifar; dan
- membuat urusan dalam perkhidmatan menaja jamin (*underwriting services*).

MAKLUMBALAS DAN KOMEN

17. Sebarang maklumbalas atau komen amatlah dihargai. Sila emel maklumbalas atau komen anda kepada Mohd Hisham B. Mohd Nor (m_hisham.nor@customs.gov.my) atau Aminul Izmeer B. Mohd Sohaimi (izmeer.msohaimi@customs.gov.my).

BANTUAN ATAU MAKLUMAT LANJUT

18. Maklumat lanjut boleh diperolehi dari:

- (a) Laman Sesawang CBP: www.gst.customs.gov.my
- (b) Hotline CBP: 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam:
 - Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
 - Faks : 03-78067599
 - Emel : ccc@customs.gov.my